Lampiran 1

Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar

Ciri-ciri	Keterangan
Objektif	Menyediakan bantuan dan sokongan pemulihan untuk PKS dalam sektor perkhidmatan yang terjejas berikutan pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan sejak bulan Jun 2020, kecuali subsektor pelancongan dan berkaitan dengan pelancongan
Peruntukan	RM4 bilion
Kelayakan	PKS* dalam sektor perkhidmatan yang terjejas berikutan pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan COVID-19 sejak bulan Jun 2020 (kecuali subsektor pelancongan dan berkaitan dengan pelancongan) seperti: • Perkhidmatan peribadi (cth. membaiki komputer/ barangan isi rumah, dobi, dandanan rambut, kecantikan) • Aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman • Aktiviti kesihatan manusia dan kerja sosial • Seni, hiburan dan rekreasi • Perdagangan borong dan runcit • Perkhidmatan perniagaan (cth. aktiviti profesional, saintifik dan teknikal; pentadbiran dan aktiviti perkhidmatan sokongan) Nota: Penerima Kemudahan Bantuan Khas (Special Relief Facility, SRF) dan Pembiayaan PKS PENJANA (PENJANA SME Financing, PSF) layak untuk memohon TRRF sehingga had agregat sebanyak RM500,000 bagi setiap PKS
Tujuan pembiayaan	Hanya untuk modal kerja
Jumlah pembiayaan	• Sehingga RM500,000 bagi setiap PKS; dan • Sehingga RM75,000 bagi setiap perusahaan mikro. *Nota: Had pembiayaan yang dinyatakan di atas dikenakan ke atas PKS yang mempunyai pemegangan saham bersama lebih daripada 20%*
Kadar pembiayaan kepada PKS	Sehingga 3.50% setahun, termasuk fi jaminan
Tempoh	Sehingga 7 tahun, termasuk tempoh moratorium sekurang-kurangnya selama 6 bulan
Perlindungan jaminan	• PKS: 80% (fi jaminan sebanyak 0.5% setahun) • Tidak diwajibkan kepada institusi kewangan peserta – Mikro enterpris: 90% (fi jaminan sebanyak 0.5% setahun) Institusi kewangan peserta boleh mendapatkan perlindungan jaminan daripada Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) / Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP).

Prosedur permohonan	PKS yang berminat boleh memohon TRRF di institusi kewangan peserta, yang terdiri daripada: 1. Affin Bank Berhad / Affin Islamic Bank Berhad 2. Alliance Bank Malaysia Berhad / Alliance Islamic Bank Berhad 3. AmBank (M) Berhad / AmBank Islamic Berhad 4. Bangkok Bank Berhad 5. Bank Islam Malaysia Berhad 6. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) 7. Bank Muamalat Malaysia Berhad 8. Bank of China (Malaysia) Berhad 9. Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) 10. Bank Simpanan Nasional 11. CIMB Bank Berhad / CIMB Islamic Bank Berhad 12. HSBC Bank Malaysia Berhad / HSBC Amanah Malaysia Berhad 13. Hong Leong Bank Berhad / Hong Leong Islamic Bank Berhad 14. Malayan Banking Berhad / Maybank Islamic Berhad 15. MBSB Bank Berhad 16. OCBC Bank (Malaysia) Berhad / OCBC Al-Amin Bank Berhad 17. Public Bank Berhad / Public Islamic Bank Berhad 18. RHB Bank Berhad / RHB Islamic Bank Berhad 19. Small Medium Enterprise Development Bank Berhad (SME Bank) 20. Standard Chartered Bank Malaysia Berhad 21. United Overseas Bank (Malaysia) Berhad
Tempoh permohonan	Sehingga 31 Disember 2021 atau setelah peruntukan digunakan sepenuhnya (mana-mana yang lebih awal).

***** Sekurang-kurangnya 51% saham dipegang oleh rakyat Malaysia dan seperti yang ditakrifkan oleh Garis Panduan bagi Definisi PKS yang disediakan oleh SME Corp. Garis panduan ini boleh diakses melalui https://www.smecorp.gov.my/images/pdf/2020/Guideline-SMEDefinition_updated.pdf)